

Jangan kejar untung sehingga abai kebajikan pekerja

KLANG: Majikan digesa tidak meletakkan matlamat keuntungan semata-mata sehingga mengabaikan kebajikan pekerja warga asing yang menjadi tulang belakang perniagaan mereka.

Menurut Menteri Sumber Manusia, V.Sivakumar, penginapan pekerja warga asing yang dilihatnya sendiri dalam operasi semalam berada dalam keadaan yang teruk dan tidak kondusif untuk didiami.

“Apabila kita melihat sendiri di tiga tempat mereka beroperasi di sini, memang keadaannya mendukacitakan, tidak sesuai untuk tinggal. Bilik mereka kecil dan dimuatkan dengan enam katil. Ada bilik yang tiada kemudahan.

“Ini tidak sesuai terutamanya jika berlaku sesuatu pandemik Covid-19 seperti dahulu. Bagaimana kita mahu menangani masalah apabila berlaku pandemik, kita tidak tahu bila pandemik akan berlaku,” katanya kepada pemberita dalam Operasi Bersepadu Khas Pengquatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja



KEADAAN asrama yang sempit menyebabkan pekerja asing terpaksa meletakkan sebahagian perabot di luar bilik mereka. - UTUSAN / SADDAM YUSOFF

1990, semalam.

Dalam operasi tersebut, Sivakumar menyertai pemerik-

saan di tiga premis yang terlibat dalam sektor pembuatan berdasarkan produk kayu dan juga

getah.

Kesemua kilang tersebut beroperasi dengan tenaga

kerja tempatan seramai 44 orang dan tenaga kerja asing seramai 526 orang dari Nepal, Bangladesh dan Myanmar, namun kemudahan penginapan disediakan tidak mempunyai perakuan.

Ekoran itu Sivakumar mengarahkan pemeriksaan lebih kerap dalam operasi pengquatkuasaan akta berkenaan bagi memastikan kebajikan pekerja asing terpelihara.

“Operasi lebih kerap akan diadakan selepas ini. Dulu kita bagi kelulusan, pemeriksaan semua kita buat sebelum kita bagi kelulusan, sekarang lain pula.

“Sekarang kita bagi kelulusan, kemudian pemeriksaan dan naziran. Ini juga menjadi kaedah terbaru untuk sekurang-kurangnya tempoh enam bulan untuk memastikan mereka diberi perhatian yang sewajarnya oleh majikan,” tegasnya.

Sivakumar menambah, kediaman yang sempurna untuk pekerja bukan sekadar isu kebajikan tetapi melibatkan isu kebersihan, keselamatan dan kesihatan mereka.